

# Sedekad penubuhan Usim

**NILAI** – Fakulti Sains dan Teknologi (FST) Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), di sini meraikan sedekad penubuhannya menerusi penganjuran Sambutan 10 FST bertema 'Memacu Kecemerlangan Menerusi Inovasi'.

Program tersebut diadakan bertujuan menghargai penuntut, pensyarah dan ahli alumni berkenaan sejak falkuti berkenaan ditubuhkan pada 1 Disember 2003.

Pengerusi Lembaga Pengarah Usim, Profesor Emeritus Tan Sri Dr Abdul Shukor Husin berkata, FST berjaya menonjolkan keistimewaan melalui pelaksanaan program akademik yang unik iaitu mengintegrasikan ilmu al-Quran dan Sunnah (naqli) dengan sokongan ilmu moden (aqli) untuk dihayati penuntutnya.

"Walaupun menjadikan sains sebagai asas, ia turut diadun bersama ilmu Islam yang akhirnya akan menghasilkan elemen sains Islam secara jelas kepada masyarakat.

"Kemampuan FST untuk menawarkan pelbagai pilihan program akademik iaitu lapan program terbaik.

Antara program yang ditawarkan kini adalah Sains Aktuari & Pengurusan Risiko, Sains Komputer (Keselamatan & Jaminan Maklumat), Matematik Kewangan, Fizik Gunaan, Teknologi Kimia Industri, Seni Bina dan Kejuruteraan Elektronik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian sambutan berkenaan, di sini.

Hadir sama, Naib Canselor Usim, Profesor Datuk Dr Asma Ismail; Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Usim, Profesor Datuk Dr Musa Ahmad; Dekan FST, Profesor Dr Bchok M dan bekas Dekan FST, Profesor Emeritus Dr Jalani Sukaimi.



**Abdul Shukor (kiri) menyempurnakan penerbitan khas sempena Sambutan 10 FST sambil disaksikan Asma Ismail (tiga, kanan) di Nilai.**